



'Membahayakan' perkembangan pelajar

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Sukar untuk mewujudkan hakikat bahawa sebahagian besar ibu bapa masih menganggap keputusan peperiksaan adalah aspek terpenting dalam mendefiniskan kejayaan seseorang pelajar.

Meskipun transformasi dunia pendidikan negara sudah dipelba-gaikan dalam mekanisme tertentu termasuk menggabungkan nilai kemahiran sebagai antara prasyarat penilaian pembangunan pelajar, kejayaan akademik masih dijadikan penanda aras utama.

Malah, ketaasuhan pada keputusan peperiksaan biarpun pada aspek lain ada kelebihannya, namun masih dikhawatir mampu meninggalkan impak sampingan, sekali gus melahirkan golongan pelajar seperti robot yang diprogramkan dengan kecermerlangan menerima arahan, tetapi gagal berfikir sendiri.

Justeru, sejauh manakah keberkesanannya untuk membantu pelajar, masyarakat dan ibu bapa agar merenam hakikat bahawa keputusan peperiksaan hanya sebahagian proses menjana kecermerlangan?

Bagaimana mahu meyakinkan bahawa masih banyak lagi aspek lain boleh mengukur erti kejayaan dan bukan sekadar bergantung harap pada akademik semata-mata?

Wali Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merangkap Pengurus Majlis Peperiksaan Malaysia, Professor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata,

"Ketaasuhan ibu bapa terhadap peperiksaan merupakan tekanan atau meletakkan sasarannya untuk anak, kerana dikhawatirkan timbul pula masalah lain," katanya.

"Memang tidak salah ibu bapa menzhahirkan hasrat untuk melihat kecermerlangan, namun mestilah tahu caranya atau batasnya."

"Jangan terlalu berterusan memberikan tekanan atau meletakkan sasarannya untuk anak, kerana dikhawatirkan timbul pula masalah lain," katanya.

Menurutnya, tidak salah sahaja ibu bapa meletakkan peperiksaan sebagai pengukur kejayaan, namun sikap itu boleh memberi

tekanan hingga membatalkan perkembangan normal lain yang seharusnya dinikmati pelajar.

"Adakalanya ibu bapa tidak sedar tindakan itu satu penyeksaan kepada anak (pelajar) kerana mereka dinafikan hak untuk menikmati perkara lain dalam hidup."

"Memang tidak salah ibu bapa menzhahirkan hasrat untuk melihat kecermerlangan, namun mestilah tahu caranya atau batasnya."

"Jangan terlalu berterusan memberikan tekanan atau meletakkan sasarannya untuk anak, kerana dikhawatirkan timbul pula masalah lain," katanya.

Kejayaan bukan hanya melalui peperiksaan atau akademik saja, tapi juga boleh digilap berdasarkan kelebihan diri dalam aspek lain

Katanya, kebiasaan pelajar turut meletakkan sasarannya untuk meraih kecermerlangan, malah ada desakan lebih daripada ibu bapa.

"Dalam aspek ini, ibu bapa adalah pihak yang lebih mendesak dan ternyata memang tidak baik

untuk perkembangan emosi anak.

"Ibu bapa diminta membenarkan peluang anak meniti kedewasaan dan kematangan. Kejayaan bukan hanya melalui peperiksaan atau akademik saja, tapi juga boleh digilap berdasarkan kelebihan diri dalam aspek lain," katanya.

Ia turut mengakui ibu bapa di negara ini masih melihat akademik sebagai kewajaran utama berbanding kemahiran lain.

"Itulah masalah atau dilema sektor pendidikan negara kita kerana ibu bapa masih kuat dibanggungkan mentaliti sedemikian sedangkan aspek kemahiran juga ada perananannya dalam sistem pendidikan negara.

"Cuma kita kurang men-



KECEMERLANGAN pelajar perlu diseimbangkan dengan pelbagai kemahiran diri sebagai satu mekanisme untuk membentuk generasi muda berilmu dan berketamplilan. - Gambar hiasan

MENTALITI masyarakat perlu diubah supaya dapat menerima hakikat masih banyak lagi cabang boleh diterokai bagi menguji pencapaian pelajar dan bukan hanya bersandarkan peperiksaan semata-mata. - Gambar hiasan

giktirafnya' berbanding negara lain di dunia. Namun, Kementerian Pelajaran tetap berusaha mengubah persepsi itu seperti menaikkan taraf sekolah teknik dan vokasional kepada kolej supaya ibu bapa nampak ada nilai lain yang boleh membentuk kejayaan," katanya.

Ditanya sama ada mentaliti sedemikian boleh diubah, sedangkan masyarakat sudah tepu dengan pemikiran itu, beliau berkata perubahan boleh dibuat, tetapi mengambil masa lama.

Budaya peperiksaan akuinya,

sudah sebat dalam sistem pendidikan negara dan sudah menggantikan budaya ilmu.

"Bagaimanapun, usaha mengubahnya sudah dilakukan sedikit demi sedikit seperti perubahan yang dibuat pada sistem pentaksiran negara.

"Sebagai contoh, di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sudah ada elemen sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang bukan saja menilai pelajar menerusi peperiksaan bertulis tapi kerja projek, kajian luar dan amali.

"Pengenalan ini selari hasrat kementerian untuk membangunkan modal insan seimbang serta memperluaskan pendidikan lemah holistik," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan bahawa sistem peperiksaan masih relevan bagi menilai keupayaan pencapaian pelajar terutama dari segi pemahaman terhadap proses pembelajaran dan pengajaran.

"Peperiksaan masih relevan kerana di situ lah kita boleh menilai sejauh mana

hasil pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

"Cuma pengubahsuaian dan penambahbaikan dalam sistem atau format peperiksaan perlu dilakukan bagi melahirkan pelajar yang mampu menjana kecermerlangan dalam seluruh aspek global," katanya mengakui antara impak negatif yang ketara menerusi sistem peperiksaan iaitu budaya menghafal untuk peperiksaan.

"Pelajar memang giat belajar, tapi bukan untuk memahami, sebaliknya menghafal demi menjawab dalam peperiksaan selain melupakan perkara yang gigih dipelajari sebaik tamat peperiksaan."

"Dengan kata lain, sistem pendidikan kita hanya menggalakkan budaya menghafal bukannya pemikiran menyebabkan pelajar lebih cenderung bergantung kepada jawapan contoh, hafalan dan soalan ramalan berbanding memahami konsep dan teori."

"Ini yang kebanyakannya berlaku menyebabkan peperiksaan tidak boleh dijadikan penanda aras kepada keupayaan pelajar

sebaliknya budaya ilmu perlu diterapkan," katanya.

Beliau menekankan bahawa konsep peperiksaan adalah untuk mengesahkan perkembangan pelajar secara menyeluruh mengenai prestasi mereka dalam mencapai sasaran pembelajaran, untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran dari semasa ke semasa, mengetahui keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran, memantau kemajuan serta merangsang pencapaian lebih tinggi, selain mengetahui pencapaian objektif pembelajaran.

"Konsep peperiksaan boleh dilihat dari tiga sudut, iaitu penilaian untuk pembelajaran, penilaian sebagai pembelajaran dan penilaian pembelajaran."

"Sebab itu, banyak pembaharuan sudah dibuat supaya golongan sasaran celik mata dan minda bahawa sistem pendidikan kita sudah tidak lagi terlalu berfokus pada peperiksaan tapi budaya mendapatkan ilmu," katanya.



PEPERIKSAAN sering dijadikan penanda aras utama untuk menilai kemampuan pelajar di negara ini. - Gambar hiasan.